



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

HARI KELUARGA KESWIP 2019

4 NOVEMBER 2019 (AHAD)

JAM 10.00 PAGI

G2G MAEPS SERDANG

ALUAN

ASSALAMUALAIKUM WBT, SALAM
SEJAHTERA DAN SALAM WILAYAH PEDULI
HARAPAN DIPENUHI.

YB Datuk Dr. Shahrudin Bin Md. Salleh

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

YBhg. Dato Siti Fatimah Binti Daud

Timbalan Ketua Setiausaha,

(Perancangan Dan Pembangunan), KWP

YBhg. Datuk Hajah Rosida Binti Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha

(Pengurusan Dan Sosio Ekonomi), KWP

YBrs. Encik Abdullah Bin Daud

Pengerusi Kelab Kebajikan Dan Sukan KWP
(KESWIP)

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA BAHAGIAN,
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN,
AHLI JAWATAN KUASA KESWIP SESI 2018-
2020 DAN AHLI-AHLI KESWIP SEKALIAN.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita sama-sama berkumpul bagi menjayakan menjayakan Program Hari Keluarga KESWIP 2019 di G2G MAEPS Serdang pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan **terima kasih dan tahniah** kepada **AJK KESWIP** yang telah berjaya menyelaras Hari Keluarga KESWIP 2019 pada hari ini.

TUJUAN HARI KELUARGA

Hari keluarga KESWIP 2019 ini merupakan program yang julung kali diadakan sepanjang saya menjadi Menteri Wilayah Persekutuan. Hari Keluarga KESWIP diadakan untuk mendekatkan dan mengeratkan hubungan sesama ahli KESWIP dan juga pihak pengurusan tertinggi KESWIP. Semua ahli keluarga turut hadir bagi mengeratkan hubungan silaturahim dan kekeluargaan sesama ahli KESWIP.

Saya dimaklumkan, sebanyak 4 kumpulan telah dibentuk bagi bersama-sama menyertai aktiviti sukaneka pada hari ini. Saya berharap semua ahli dapat menyertai dan memeriahkan lagi program pada hari ini. Anak-anak dan ahli keluarga juga boleh berinteraksi dengan haiwan-haiwan di *animal garden* yang disediakan di sini.

Tidak lupa juga cabutan bertuah akan turut diadakan bagi memeriahkan lagi sambutan hari keluarga KESWIP ini.

Selain daripada acara sukaneka, pertandingan akhir kilauan KWP juga turut diadakan. Untuk makluman yang mana peringkat saringan telah diadakan pada 2 tahun lepas, akan diadakan juga selepas aktiviti sukaneka selesai. Ramai bakat-bakat ahli KESWIP yang telah menyertai pertandingan kilauan KWP tersebut.

KETERLIBATAN AHLI

Program / aktiviti KESWIP yang dilaksanakan melibatkan semua lapisan ahli KESWIP/warga KWP merangkumi 6 teras utama **K.E.S.W.I.P** IAITU **KEBAJIKAN, EKONOMI, SUKAN &**

REKREASI, WASILAH (HUBUNGAN), INSANIAH DAN PRIHATIN.

Saya berharap semua ahli KESWIP dapat memberikan komitmen berterusan serta melibatkan diri dalam program / aktiviti yang dilaksanakan. Keterlibatan semua ahli adalah penting bukan sahaja untuk menjayakan dan mencapai objektif program/aktiviti yang dilaksanakan tetapi juga untuk **memastikan semua ahli mendapat manfaat dan terlibat secara langsung dengan pelaksanaan program / aktiviti tersebut.**

Saya dan juga warga kerja Pejabat YB Menteri dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan sentiasa menyokong penuh setiap usaha yang dijalankan KESWIP dalam menjaga kebajikan

warga kerja KWP dan sentiasa bersedia membantu kepada mereka yang memerlukan.

PROGRAM / AKTIVITI KESWIP 2019

Saya dimaklumkan pelbagai aktiviti / program telah dirancang dan dilaksanakan oleh KESWIP bagi tahun 2019 antaranya Program Khatam Al-Quran, Program Ihya Ramadhan, Sambutan Hari Raya Aidilfitri, Korban Di Kemboja, Program Sukan Dan Rekreasi, Hari Keluarga KWP, Karnival Sukan Integrasi KWP dan sebagainya.

Justeru itu, penglibatan semua ahli di Kementerian ini adalah sangat penting bagi menjayakan segala program yang dirancang.

Kerjasama padu dan utuh antara KESWIP dengan pengurusan Kementerian perlu

diperkasa untuk memastikan pelaksanaan program / aktiviti KESWIP yang selari dan **mendokong hala tuju Kementerian dan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.**

Saya selaku Menteri Wilayah Persekutuan sentiasa menyokong hasrat murni KESWIP dalam menjaga kebajikan warga KWP. Di samping menjaga kebajikan ahli, KESWIP juga diharapkan dapat berperanan sebagai penghubung dan penggerak kepada agenda kerajaan agar penyampaian sebarang maklumat serta hasrat kerajaan kepada rakyat dapat difahami secara berterusan terutamanya dalam kalangan warga KWP.

PENUTUP

Saya lihat dan yakin keaktifan KESWIP ini memberikan beberapa faedah kepada ahli KESWIP dan warga Kementerian ini termasuklah:

- (i) **merapatkan hubungan silaturrahim** sesama ahli serta keluarga masing-masing;
- (ii) **mewujudkan perasaan kebersamaan** antara KESWIP dan KWP;
- (iii) menyediakan **platform untuk ahli menonjolkan bakat** dan kebolehan dalam bidang-bidang selain daripada fungsi utama kementerian; serta

- (iv) memberikan **ruang kepada warga kementerian untuk terlibat sama dan mendapat manfaat** daripada program-program yang bersifat kebajikan, kerohanian, sukan dan rekreasi.

Akhir kata, saya berharap agar KESWIP akan terus maju dan mengorak langkah seiring dengan pembangunan teknologi masa kini dan akan datang.

"WABILLAH
TAUFIQ
WALHIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAH
WABARAKATUH. SEKIAN, TERIMA KASIH.